

BAHASA MELAYU
KATA KERJA TRANSITIF

Latihan 1:

Perhatikan ayat-ayat berikut. Tandakan (**T**) jika ayat di bawah **mengandungi kata kerja transitif** dan tandakan (**X**) jika **TIDAK mengandungi kata kerja transitif**.

1. Fazirah memasak di dapur.	
2. Farhana menjadi guru tadika di sekolah itu.	
3. Nabilah sudah membersihkan bilik tidurnya semalam.	
4. Dahlia mempersilakan tetamu yang datang masuk ke rumah.	
5. Syafiqah ditolak oleh Shaza ke dalam kolam renang.	
6. Mereka sekeluarga akan pergi berkelah esok.	
7. Hasif tertendang kaki adiknya.	
8. Pak Atan memotong rumput di halaman rumahnya.	
9. Adik Emylea menangis kerana jarinya luka.	
10. Elly didenda oleh cikgu kerana berbuat bising.	
11. Aishah sedang menyikat rambut adiknya.	
12. Dahlia memetik bunga ros di taman itu.	
13. Setiap pelajar mesti membawa kad pengenalan diri semasa peperiksaan.	
14. Aisyah sanggup berjaga malam untuk peperiksaan esok.	
15. Anaknya belum pandai bercakap.	